

Headline	Chevron tambah stesen minyak		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	218,251
Page No	24	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	247 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,167
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,500



# Chevron tambah stesen minyak

Syarikat sasar buka 25 stesen minyak dengan peruntukan RM1 juta hingga RM3 juta

**KUALA TERENGGANU** – Chevron Malaysia Ltd. (Chevron), pengedar jenama bahan api Caltex, menasarkan untuk membuka 25 buah stesen minyak Caltex di seluruh negara menjelang akhir tahun ini.

Pengurus Polisi, Kerajaan dan Perhubungan Awam Chevron, Mokhtar Ali Ismail berkata, proses pembukaan stesen minyak baharu itu kini berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

“Peningkatan pembukaan stesen minyak yang baharu ini seiring dengan pertambahan permintaan daripada pengguna.

“Sehingga kini, Chevron mempunyai 420 buah stesen minyak di seluruh Semenanjung Malaysia setelah beroperasi di Malaysia sejak 75 tahun lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan program kemasyarakatan *Caltex Fuel Your School* di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengarah Urusan

Yayasan MyKasih, Jeffrey Perera dan Ketua Unit Sains Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Zainol Yusof.

Selain menjawab soalan mengenai kos pelaburan untuk tujuan itu, Mokhtar menjelaskan, kosnya bergantung kepada lokasi stesen minyak baharu itu.

“Ia bergantung kepada saiz stesen minyak dan lokasi, seperti yang kita tahu, nilai harta tanah di setiap negeri atau bandar berbeza.

“Secara kasarnya sebanyak RM1 juta hingga RM3 juta diperlukan untuk sebuah stesen minyak itu beroperasi,” katanya.

Mengulas mengenai program kemasyarakatan tersebut, Mokhtar menerangkan, ia merupakan inisiatif Chevron dengan kerjasama Yayasan MyKasih untuk menyemarakkan lagi aspek pembelajaran kreatif dan inovatif kepada mereka yang layak,” katanya.



MOKHTAR (kanan) bersama Jeffrey (tengah) dan Zainol memegang poster pelancaran program kemasyarakatan Caltex di Kuala Terengganu semalam.